55,169 penjawat awam berisiko hadapi isu kesihatan mental

Kesejahteraan psikologi kakitangan kerajaan perlu diperkukuh secara menyeluruh

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 55,169 penjawat awam yang menjalani saringan Sistem Profil Digital Kesihatan Psikologi Penjawat Awam (MyPsyD) dikategorikan kakitangan berisiko tinggi dalam isu kesihatan mental, termasuk kecenderungan membunuh diri.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Datuk Dr Mohd Bakhari Ismail, berkata jumlah itu menunjukkan kepentingan memperkukuh kesejahteraan psikologi dalam kalangan penjawat awam secara menyeluruh.

"Dapatan Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia pada 2025 turut menunjukkan kesejahteraan psikologi antara faktor penting yang mempengaruhi kesejahteraan organisasi, sekali gus memberi kesan kepada kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Oleh itu, usaha memperkukuh kesejahteraan psikologi secara holistik perlu dilihat sebagai pelaburan strategik bagi memastikan rakyat negara ini, khususnya perkhidmatan awam yang menjadi tulang belakang pentadbiran negara, kekal cekap, responsif dan berdaya tahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Persidangan Pegawai Psikologi Perkhidmatan Awam 2026 (PSYCON 2026) bertemakan 'Psikologi Memperkasa Insan, Mencorak Masa Hadapan' di Institut Tadbiran Awam, Bukit Kiara, di sini, semalam.

Julai lalu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dilaporkan berkata, kerajaan sedang mempergiat langkah intervensi awal bagi menangani isu kesihatan mental dalam kalangan penjawat awam.

Langkah itu dipergiatkan selepas kajian MyPsych mengenal pasti lebih 40,000 penjawat awam mempunyai kecenderungan ke arah tingkah laku negatif, termasuk cubaan membunuh diri.

Susulan itu, ketua jabatan dimaklumkan supaya bekerjasama dengan pegawai psikologi bagi melaksanakan intervensi awal terhadap individu yang dikenal pasti berisiko.

PSYCON 2026 menghimpunkan lebih 500 peserta mewakili kementerian, jabatan dan agensi kerajaan bagi memperkukuh keupayaan profesion psikologi dalam mendepani perubahan persekitaran kerja dan cabaran psikososial yang semakin kompleks.

Keupayaan urus tekanan

Mohd Bakhari berkata, landskap pentadbiran moden yang dinamik bukan sahaja memerlukan profesionalisme, dedikasi dan integriti tinggi, malah keupayaan mengurus tekanan kerja dengan berkesan.

Katanya, ketua jabatan bertanggungjawab menyediakan sistem sokongan sewajarnya bagi memelihara kebajikan dan kesejahteraan pekerja yang menjadi aset penting negara.

"Kerajaan sebagai majikan misalnya menyediakan pelbagai bentuk sokongan psikososial, termasuk dari sudut kewangan dan juga latihan bagi mengukuhkan tahap daya tahan dan kesejahteraan penjawat awam," katanya.

Beliau berkata, antara usaha berkenaan termasuk penambahbaikan skim perkhidmatan, gaji, elaun serta kemudahan menerusi Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Katanya, bagi memastikan keseimbangan antara kehidupan dan pekerjaan, kerajaan turut memperkenalkan pendekatan kerja lebih fleksibel menerusi Dasar Hari Bekerja Hibrid (HBH) yang dilaksanakan mulai 1 Ogos lalu.



Sebahagian kakitangan awam yang hadir pada Majlis Perasmian PSYCON 2026 di INTAN, Bukit Kiara, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang membangunkan Garis Panduan Kesihatan Mental Perkhidmatan Awam sebagai hala tuju dan strategi pengurusan kesejahteraan psikologi yang lebih menyeluruh.

"Seiring dengan itu, Indeks Kebahagiaan Penjawat Awam juga bakal diperkenalkan sebagai instrumen penting untuk mengukur dan menilai tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam secara lebih komprehensif," katanya.

Beliau berkata, JPA turut melaksanakan kajian hala tuju dan pemerkasaan Skim Perkhidmatan Psikologi bagi memastikan perkhidmatan berkenaan terus relevan dan mampu mendepani perubahan.

Selain itu, pembangunan kompetensi dan profesionalisme Pegawai Psikologi turut diberi penekanan melalui penawaran kursus berimpak tinggi bertaraf sijil profesional setiap tahun.

"Hasrat kita adalah agar secara berperingkat, pegawai psikologi mempunyai sekurang-kurangnya kelayakan di peringkat sarjana atau lebih tinggi," katanya.